

**WACANA KOMUNIKASI DALAM AL-QUR'AN: SATU ANALISIS
TERHADAP DIALOG DUA HALA**

MOHD ABDUL NASIR BIN ABD. LATIF

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

ABSTRAK

Kajian analisis dokumen secara deskriptif ini bertujuan untuk menganalisis dialog dua hala al-Qur'an dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Data kajian ini ialah 179 dialog dua hala al-Qur'an. Data dianalisis dengan menggunakan perisian N'Vivo berasaskan kerangka analisis wacana yang dikemukakan oleh van Dijk (1998). Analisis melibatkan tiga struktur iaitu struktur makro, superstruktur dan struktur mikro. Dapatan analisis struktur makro menunjukkan ayat dialog mempunyai tiga tema utama. Tema pertama tema fitrah kejadian manusia yang meliputi asal kejadian manusia dan sifat-sifat kemanusiaan. Tema kedua tema akidah yang meliputi Islam, Iman dan Tauhid. Tema ketiga pula tema persoalan-persoalan fiqh. Dapatan analisis superstruktur menunjukkan ayat dialog banyak terdapat dalam surah panjang yang tidak membincangkan hukum fardu dan dalam surah *makkiyyah*. Pemilihan pekata dialog pula mewakili seluruh makhluk, manakala struktur dialog pula terdiri daripada permulaan, perkembangan dan peleraian. Pengulangan Ayat dialog dikenal pasti berlaku menerusi pengulangan peristiwa, ayat dialog dan hujah. Dapatan analisis struktur mikro pula menunjukkan ayat-ayat dialog terbina berdasarkan ilmu *al-Ma'ānī*, *al-Bayān* dan *al-Badī'*. Dalam konteks ilmu *al-Ma'ānī*, ayat dialog terbina berasaskan ayat *al-Khabar* dan *al-Inshā'* serta gaya bahasa *al-Taqdīm* dan *al-Ta'khīr*, *al-Jāz*, *al-Iṭnāb* dan *al-Iltifāt*. Dalam konteks ilmu *al-Bayān*, ayat dialog terbina berdasarkan gaya bahasa *al-Kināyah*, *al-Majāz*, *al-Isti'ārah* dan *al-Tanāsub al-Bayānī*. Manakala dalam konteks ilmu *al-Badī'* pula, ayat dialog terbina berdasarkan gaya bahasa *al-Ṭibāq* dan *Uslūb al-Ḥakīm*. Elemen-elemen yang terhasil daripada dapatan analisis ketiga-tiga struktur tersebut telah menghasilkan kerangka-kerangka asas bagi pembinaan Model Dialog Dua Hala al-Qur'an (MDHQ) yang dikemukakan dalam kajian ini.



ABSTRACT

COMMUNICATION DISCOURSE IN THE QUR'AN: AN ANALYSIS OF BILATERAL DIALOGUE

This descriptive research is a document analysis conducted to analyse the bilateral dialogue in al-Quran using qualitative and quantitative approach. The research data consists of 179 bilateral dialogues found in al-Qur'an. The data was analysed using N'vivo software based on discourse analysis framework as suggested by van Dijk (1998). The analysis involves three structures i.e macro structure, superstructure and micro structure. Findings of macro structure shows dialogue verses have three main themes. The first theme is the creation of man and the attributes of humanity. The second theme covers the Islamic creed which includes *Islām*, *Īmān* and *Tawḥīd*. The third theme talks about the fiqh issues. The findings of superstructure shows that dialogue verses are found in longer chapters (*sūrahs*) that do not discuss obligatory matters (*fard*) and in chapters that were revealed in Makkah (*Makkiyyah*). The choice of speakers in the dialogue verses shows that it was meant to all creation, while the dialogue structure consists of the beginnings, development and dispersal. The repetition of dialogue verses was identified when a particular event mentioned in al-Qur'an was repeated again elsewhere and furnished with arguments. The findings of micro structure shows that the dialogue verses was constructed based on Arabic rhetorics *al-Ma'ānī*, *al-Bayān* dan *al-Badī'*. In the context of *al-Ma'ānī*, the dialogue verses was based on *al-Khabar* and *al-Inshā'* with the style of *al-Taqdīm* and *al-Ta'khīr*, *al-Ījāz*, *al-Iṭṭibāḥ* and *al-Itfāḥ*. In the context of *al-Bayān*, the dialogue verses were built based on the style of *al-Kināyah*, *al-Majāz*, *al-Isti'ārah* and *al-Tanāsub al-Bayānī*. In the context of *al-Badī'* the dialogue verses were built on *al-Ṭibāq* and *Uslūb al-Ḥakīm*. Elements that have been found based from the findings of all those structures were used to be the basic framework of Quranic Bilateral Dialogue Model as proposed in this research.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI ILUSTRASI	xiv
PANDUAN EJAAN DAN TRANSLITERASI	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
PENDAHULUAN	
i. Pengenalan	1
ii. Latar Belakang Kajian	7
iii. Pernyataan Masalah Kajian	13
iv. Kerangka Konseptual Kajian	22
vi. Objektif Kajian	23
vii. Persoalan Kajian	23
viii. Kepentingan Kajian	24
v. Metodologi Kajian	26
a. Reka Bentuk Kajian	27
b. Data Kajian	28
c. Prosedur Analisis Data	28
d. Aras dan Pendekatan Analisis	30
ix. Batasan Kajian	32
x. Definisi Istilah	32
a. Wacana Komunikasi	32
b. al-Qur'an	34
c. Dialog Dua Hala	34
xi. Kajian Berkaitan	35
a. Kajian Dalam Negara	36
b. Kajian Luar Negara	38
xii. Penutup	40
BAB I DEFINISI KONSEP	41
1.1 Pendahuluan	41
1.2 Komunikasi dan Dialog	42

1.3	Konsep Dialog Dalam al-Qur'an	45
1.4	Definisi Dialog	58
	1.4.1 Dialog Dari Sudut Bahasa	58
	1.4.2 Dialog Dari Sudut Istilah	60
	1.4.3 Definisi Dialog Dari Perspektif al-Qur'an	64
	1.4.4 Dialog Dua Hala Dalam al-Qur'an	67
1.5	Skema Sebuah Dialog	69
1.6	Jenis-jenis Dialog	71
	1.6.1 Jenis Dialog Berdasarkan Pekata	71
	1.6.1.1 Bilangan Pekata	72
	1.6.1.2 Demografi Pekata	75
	1.6.2 Jenis Dialog Berdasarkan Konteks	76
1.7	Prinsip-prinsip Dialog	83
	1.7.1 Tujuan / Niat	83
	1.7.2 Sikap	91
	1.7.3 Kemahiran	94
1.8	Objektif Dialog	97
1.9	Pengenalan Wacana	99
	1.9.1 Analisis Wacana	100
	1.9.1.1 Matlamat Deskriptif	102
	1.9.1.2 Matlamat Kritis	103
	1.9.2 Kerangka Analisis Wacana Teun A. van Dijk	104
	1.9.3 Analisis Wacana Dialog Dua Hala Dalam al-Qur'an	108
1.10	Penutup	110
BAB II	DIALOG AL-QUR'AN DARI ASPEK STRUKTUR MAKRO	
2.1	Pendahuluan	111
2.2	Tema Fitrah Kejadian Manusia	113
	2.2.1 Asal Kejadian	113
	2.2.2 Sifat-sifat Kemanusiaan	117
	2.2.2.1 Bermaruah	117
	2.2.2.2 Cenderung Kepada Kebenaran	118
	2.2.2.3 Cintakan Keturunan	120
	2.2.2.4 Hubungan Kekeluargaan	124
	2.2.2.5 Mempunyai Keinginan	125
	2.2.2.6 Mempunyai Perasaan	133
	2.1.2.7 Kekurangan Manusia	134
	2.2.2.8 Memerlukan Peringatan	140
	2.2.2.9 Memerlukan Faktor Desakan	140

2.2	Tema Akidah	141
	2.2.1 Penyerahan Diri Kepada Allah	142
	2.2.1.1 Situasi Penyerahan Ketika Berhadapan Dengan Sasaran Dakwah	142
	2.2.1.2 Situasi Penyerahan Kerana Menunjukkan Ketaatan	143
	2.2.1.3 Situasi Dalam Menjelaskan Objektif Dakwah	145
	2.2.1.4 Situasi Ketika Menyatakan Pengakuan Setelah Melihat Bukti	145
	2.2.1.5 Situasi Pengakuan Bagi Tujuan Penyaksian	146
	2.2.1.6 Situasi Menjawab Propaganda	148
	2.2.2 Iman Kepada Allah	149
	2.2.2.1 Pengakuan Beriman Setelah Melihat Kebenaran	151
	2.2.2.2 Tuntutan Untuk Membuktikan Keimanan	152
	2.2.2.3 Penegasan Setelah Diminta Membuat Pengakuan	153
	2.2.2.4 Penegasan Keimanan Kepada Allah Ketika Berhadapan Musuh	153
	2.2.3 Tauhid	154
	2.2.3.1 Tauhid <i>Ulūhiyyah</i>	156
	i. Pengakuan Allah Bahawa; “Dialah Allah”	157
	ii. Pengakuan Para Nabi; “Dialah Allah”	159
	iii. Seruan Agar Mengabdikan Diri Kepada Allah	160
	iv. Bahawa Allah Tiada Syak dan Sekutu	162
	2.2.3.2 Tauhid <i>Rubūbiyyah</i>	164
	i. Pengakuan Tauhid <i>Rubūbiyyah</i>	164
	ii. Rab Seluruh Alam	167
	iii Sandaran Rab Kepada Pekata	168
	iv. Dia Rab Pelaku Mutlak	169
	a. Dia Menciptakan	170
	b. Dia Mengurniakan	171
	c. Dia Melakukan	172
	2.2.3.3 Tauhid <i>al-Asmā’ wa al-Ṣifāt</i>	174
2.3	Tema Persoalan Fiqh	177
	2.3.1 Waktu Peperangan	177
	2.3.2 Arak dan Judi	179
	2.3.3 Sumbangan Harta	180
	2.3.4 Pengurusan Harta Anak-anak Yatim	183
	2.3.5 Haid	184
	2.3.6 Perkahwinan	186
	2.3.7 Pemakanan Halal	189
	2.3.8 Harta Rampasan Perang	190
2.4	Penutup	192

BAB III DIALOG AL-QUR’AN DARI ASPEK SUPERSTRUKTUR

3.1	Pendahuluan	193
3.2	Taburan Dialog Dua Hala Dalam al-Qur’an	194
	3.2.1 Taburan Dalam Surah-surah al-Qur’an	194

3.3	Pemilihan Pekata	200
3.3.1	Allah Tuhan Sekalian Alam	200
3.3.2	Manusia	201
3.3.2.1	Golongan Mukmin	201
	a. Para Rasul a.s	202
	b. Nabi a.s	204
	c. Individu-individu Tertentu	204
	d. Orang-orang Kafir Kemudian Beriman	207
3.3.2.2	Golongan Kafir	207
3.3.2.3	Golongan Munafikin	210
3.3.2.4	Seluruh Makhluk Ciptaan	211
3.3.3	Bukan Manusia	211
3.3.4	Skema Sifat Dan Nilai Peribadi Pekata Dialog Qur'an	213
3.3.4.1	Sifat Zahir Pekata	213
	a. Individu Sempurna	214
	b. Individu Kekurangan	216
3.3.4.2	Penyatuan Terhadap Perbezaan Fizikal	218
3.4	Pengulangan Dialog	220
3.4.1	Pengulangan Peristiwa	223
3.4.1.1	Dialog Allah s.w.t Dengan Iblis	223
3.4.1.2	Dialog Firaun Dengan Nabi Musa a.s dan Ahli-ahli Sihir	224
3.4.2	Pengulangan Dialog Yang Sama Dari Pekata-pekata Yang Berbeza	224
3.4.3	Pengulangan Metode Penghujahan	225
3.5	Struktur Dialog Dua Hala al-Qur'an	226
3.5.1	Permulaan Dialog	227
3.5.1.1	Penerangan Situasi	227
3.5.1.2	Frasa " <i>Tatkala Berkata</i> "	229
3.5.1.3	Frasa " <i>Dan Tatkala + Kata Kerja Aktif</i> "	230
3.5.1.4	Frasa " <i>Dan Apabila + Kata Kerja Pasif</i> "	231
3.5.1.5	Kata Kerja <i>Berkata</i> dan <i>Taṣrīf</i> nya	232
3.5.1.6	Dialog " <i>Berkata – Katakanlah</i> "	233
3.5.1.7	Dialog Pekata	234
3.5.1.8	Mereka Bertanya	235
3.5.2	Faktor-faktor Permulaan Dialog	236
3.5.2.1	Permulaan Konflik	237
	a. Formal	238
	b. Pemujukan Dakwah	239
	c. Pertimbangan	241
	d. Perundingan – Kepentingan	242
3.5.2.2	Permulaan Permintaan	244
	a. Doa	244
	b. Pemerolehan Maklumat	246
	c. Penemuan	247
	d. Penyelidikan – Penyiasatan	248

	e. Perintah – Wasiat	250
	f. Permohonan	251
	3.5.3 Perkembangan Dialog	254
	3.5.3.1 Bilangan Penjuru	254
	3.5.3.2 Pola Penggiliran Soal Jawab	260
	a. Pola Gilir Seimbang	260
	b. Pola Gilir Separa Seimbang	262
	c. Pola Gilir Kompleks	263
	3.5.4 Peleraian Dialog	264
	3.5.4.1 Ulasan Dan Pengajaran	265
	3.5.4.2 Persoalan	266
	3.5.4.3 Penegasan	267
3.6	Penutup	268
BAB IV	DIALOG AL-QUR'AN DARI ASPEK STRUKTUR MIKRO	
4.1	Pendahuluan	270
4.2	Kefasihan Dan Balaghah Pekata Dialog	271
4.3	Dialog Dan Ilmu <i>al-Ma'ānī</i>	273
	4.3.1 <i>al-Kalām</i> Sebagai Ayat-ayat Dialog	274
	4.3.1.1 <i>al-Khabar</i> Dalam Ayat-ayat Dialog	274
	i. Metod Penyampaian <i>al-Khabar</i> Oleh Pekata Dialog	276
	ii. Ayat <i>al-Khabar</i> Dalam Dialog	280
	4.3.1.2 <i>al-Inshā'</i> Dalam Dialog	288
	i. Laras Seruan (<i>al-Nidā'</i>)	289
	ii. Laras Imperatif (<i>al-Amr</i>)	295
	iii. Laras Larangan (<i>al-Nahy</i>)	299
	iv. Laras Tanya (<i>al-Istifhām</i>)	302
	a. Penggunaan Laras Tanya Hakiki	304
	b. Penggunaan Laras Tanya Majazi	306
	4.3.2 <i>al-Taqdīm</i> dan <i>al-Ta'khīr</i>	308
	4.3.3 <i>al-Ījāz</i>	312
	4.3.4 <i>al-Itmāb</i>	315
	4.3.5 <i>al-Iltifāt</i>	320
4.4	Dialog Dan Ilmu <i>al-Bayān</i>	322
	4.4.1 Kiasan (<i>al-Kināyah</i>)	322
	4.4.2 <i>al-Majāz</i>	326
	i. <i>al-Majāz al-Mursal</i>	326
	ii. <i>al-Majāz al-'Aqlī</i>	327
	4.4.3 <i>al-Isti'ārah</i>	329
	i. <i>al-Isti'ārah fī al-Mufrad</i>	330
	ii. <i>al-Isti'ārah al-Tamthīliyyah</i>	331
	4.4.4 <i>al-Tanāsub al-Bayānī</i>	331
	i. Penggunaan Klausa	332
	ii. Penggunaan Perkataan	335
	iii. Peletakan Baris / Cara Bacaan	337

4.4	Dialog Dan Ilmu <i>al-Badī'</i>	339
4.4.1	<i>al-Ṭibāq</i>	340
4.4.2	Laras Jawapan Bijaksana (<i>Uslūb al-Ḥakīm</i>)	342
4.5	Penutup	344

BAB PENUTUP

a.	Rumusan	345
i.	Kerangka Tema Dialog Dua Hala al-Qur'an	349
ii.	Kerangka Skema Dialog Dua Hala al-Qur'an	353
iii.	Kerangka Gaya Bahasa Dialog Dua Hala al-Qur'an	357
b.	Implikasi Kajian	358
	Model Dialog Dua Hala al-Qur'an - MDHQ	359
c.	Cadangan	360

BIBLIOGRAFI	362
--------------------	-----

LAMPIRAN	376
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.1	Jenis-jenis Dialog	82
1.2	Aras Analisis Teks Teun A. van Dijk	105



UNIVERSITI PENDID

UNIVERSITI PEN

PANDUAN EJAAN DAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan adalah mengikut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur menerusi capaian pada laman sesawang <http://prpm.dbp.gov.my/default.aspx>. Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab digunakan mengikut Panduan Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi menerusi capaian pada laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php>. Pengecualian daripada menggunakan pedoman itu bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan ة (*Ta' Marbutah*) dibunyikan dengan mengikut sebutan *ha'* (ه).

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w/u
س	s	ه	h
ش	sh	ي	y
ص	s	ء	'
ض	ḍ	ة	h

Vokal Panjang

Huruf Arab

ا

و

ي

Transliterasi

ā

ī

ū

Vokal Pendek

Fathah (ـَ)

Dammah (ـُ)

Kasrah (ـِ)

a

u

i

Diftong

او

اي

ي

و

aw

ay

ī

ū

Istilah atau perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Melayu dieja mengikut perkataan bahasa Melayu.

SENARAI LAMPIRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS	Dialog-dialog Dua Hala Dalam al-Qur'an	376



PENDAHULUAN

i. Pengenalan

Komunikasi merupakan satu tuntutan hidup. Manusia berkomunikasi pada setiap detik dalam semua keadaan sama ada ketika sedar ataupun tidur. Ketika sedar, hampir keseluruhan anggota lahiriah digunakan untuk berkomunikasi seperti lisan, gerakan badan dan isyarat yang dihasilkan. Manakala ketika tidur, manusia masih lagi berupaya untuk berkomunikasi iaitu menerusi telinga.

Berdasarkan peristiwa pemuda *al-Kahf* yang ditidurkan, Allah s.w.t menegaskan bagaimana pendengaran mereka dijadikan tidak berfungsi serta dihadang agar tidak berlaku sebarang komunikasi menerusi pendengaran kepada apa-apa bunyi yang boleh menyebabkan mereka terbangun daripada tidur mereka.¹ Firman Allah s.w.t;

﴿ فَضَرَبْنَا عَلَىٰ آذَانِهِمْ فِي الْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ﴾

Maksudnya;

Lalu Kami tidurkan mereka dengan nyenyaknya dalam gua itu, bertahun-tahun, yang banyak bilangannya.

Surah al-Kahf (18) : 11

¹ Alūsī, Maḥmūd bin ‘Abdullah al- (1995), *Rūḥ al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān wa al-Sab‘ al-Mathānī*, ‘Alī ‘Abdullah ‘Atīyyah (ed), Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j.8, h.202.

Seseorang yang tidak berkomunikasi tidak mempunyai hubungan dengan apa dan sesiapa sekalipun. Mereka perlu melibatkan diri dalam aktiviti komunikasi bagi memastikan keperluan naluri kemanusiaan dipenuhi. Komunikasi dianggap berlaku apabila sesuatu rangsangan itu memberi kesan kepada pemikiran.² Oleh itu definisi komunikasi akan menitik beratkan proses sekumpulan manusia yang mencipta pesan untuk berhubung, pertukaran informasi dan interaksi menerusi pelbagai cara dan kegiatan seperti ucapan, tulisan, gerak tubuh dan penyiaran.³ Ini termasuklah usaha untuk melontarkan idea-idea yang besar seperti yang dilakukan oleh Imam al-Shāfi'i yang menggunakan syair sebagai medium komunikasi dalam melontarkan ideologi pendidikannya.⁴

Berdialog merupakan cara komunikasi paling dominan dilakukan oleh manusia. Pertuturan menggunakan bahasa merupakan aktiviti utama dalam komunikasi tersebut. Pertuturan ini juga merupakan satu sistem bahasa yang tekal dan sangat berguna untuk menyampaikan makna melalui bunyi bahasa yang berkenaan.⁵ Oleh itu menerusi dialog, kemahiran dan keupayaan menggunakan bahasa serta tahap pengetahuan seseorang teruji. Pekata melewati proses kerahan berfikir, menyatakan pemikiran dalam bentuk susunan kata-kata secara langsung. Dalam waktu yang sama, segenap pengetahuan berbahasa digunakan bagi memastikan dialog difahami dan seterusnya diyakini.

Secara umumnya, al-Qur'an merupakan dialog antara Allah s.w.t dengan hambaNya. Dialog ini diwahyukan dengan pelbagai bentuk gaya bahasa dan tema. Bahasa pertuturan ini (firman Allah) kemudiannya dicatat menjadikannya bahasa

²Ahmad Kamil Mohamed (1992), *Kejayaan Berkomunikasi Dalam Era Masyarakat Informasi*, Kuala Lumpur: Nurin Interprise, h. 8-10.

³Muhamad Mufid (2007), *Komunikasi dan Regulasi Penyiaran*, Sholehuddin, S.Pdl (ed), Jakarta: Kencana Prenada Media Group, h. 3.

⁴Haryati Adni dan Tengku Ghani Tengku Jusoh (2013), Idea-idea Pendidikan Dalam Syair Imam Al-Syafi'i, *The Journal Of Al-Hikmah*, Vol 5, h. 49-59.

⁵Zawawi Ismail (2008), "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi Di sekolah Menengah Agama Kebangsaan" (Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h.55.

tulisan⁶ tanpa berlaku sebarang pengurangan dalam sebuah penulisan dengan dinamakan

al-Qur'an. Ia kemudiannya dibaca dalam setiap solat yang didirikan. Hakikatnya, menerusi solat lima waktu, proses dialog antara seorang hamba dengan Allah s.w.t

berlaku. Setiap ayat yang dibaca adalah sebenarnya dialog Allah s.w.t yang berupa peringatan secara langsung. Bahkan bacaan al-Fātiḥah, sebenarnya dijawab oleh Allah s.w.t secara terus sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: قَسَمْتُ الصَّلَاةَ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي نَصْفَيْنِ، وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ، فَإِذَا
قَالَ الْعَبْدُ: {الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ}، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: حَمِدَنِي عَبْدِي، وَإِذَا
قَالَ: {الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ}، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَثْنَى عَلَيَّ عَبْدِي، وَإِذَا قَالَ: {مَالِكُ
يَوْمِ الدِّينِ}، قَالَ: مَجَّدَنِي عَبْدِي - وَقَالَ مَرَّةً فَوْضَ إِلَيَّ عَبْدِي - فَإِذَا قَالَ:
{إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ} قَالَ: هَذَا بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي، وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ،
فَإِذَا قَالَ: {اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ
الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ} قَالَ: هَذَا لِعَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ "

Maksudnya;

Allah Taala telah berfirman, Aku telah membahagikan solat kepada dua bahagian antaraKu dan hambaKu. HambaKu akan dapat apa yang dia minta. Jika hamba itu berkata", "Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam", Allah Taala menjawab; "HambaKu telah memujiKu". Jika hamba itu berkata; "Maha Pemurah lagi Maha Penyayang", Allah Taala menjawab; "HambaKu telah memujaKu". Jika hamba itu berkata; "Yang menguasai hari pembalasan", Allah Taala menjawab; "HambaKu telah mengagungkanKu". (Dalam satu riwayat) "HambaKu telah menyerahkan urusannya kepadaKu". Maka apabila hamba itu berkata; "Hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami mohon pertolongan", Allah Taala menjawab; "Ini adalah antaraKu dan hambaKu, hambaku akan dapat apa yang diminta". Maka apabila hamba itu berkata; "Tunjukkanlah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka; bukan jalan mereka yang dimurkai (Yahudi), dan bukan pula jalan mereka

⁶ Zawawi Ismail *et al.* telah menghuraikan perbezaan yang ketara antara bahasa pertuturan dan bahasa tulisan. Antaranya bahasa pertuturan tidak kekal manakala bahasa tulisan kekal. Lihat Zawawi Ismail *et al.* (2011), Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia, *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, Volume 11(2) May 2011, h. 67-82. Namun dalam konteks al-Qur'an, bahasa yang dituturkan (firman Allah) kekal dan menjadi bahasa tulisan sebagaimana ia dituturkan. Ini merupakan salah satu bentuk keistimewaan bahasa al-Qur'an.

yang sesat (Nasrani)', Allah Taala menjawab; "Ini adalah untuk hambaKu dan hambaKu akan dapat apa yang diminta".⁷

Dialog penting kerana ia terarah kepada akal manusia secara langsung manakala al-Qur'an bersandarkan kepada akal dalam membina keimanan setelah melewati proses membina keyakinan tanpa tekanan dan paksaan.⁸ Oleh itu, perlakuan bertutur dan mendengar sesuatu tanpa pemahaman dan pengertian merupakan gejala kejahilan yang seiras dengan sifat haiwan. al-Qur'an menegaskan secara perumpamaan bahawa suara seruan yang didengari binatang hanya sekadar proses bertutur dan mendengar tanpa ada pemahaman di sebaliknya. Firman Allah;

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً
صُمُّ بَكْمٌ عُمِّي فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ﴾ (١٧١)

Maksudnya:

Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; Mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; Oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya.

Surah al-Baqarah (2) :171

Dalam konteks sejarah penurunan wahyu, proses dialog antara Jibril a.s dengan Rasulullah s.a.w merupakan titik mula penting sebelum Baginda s.a.w menerima wahyu yang pertama. Aishah r.ah. dalam hadis yang panjang menceritakan dialog yang berlaku antara Nabi s.a.w dengan Jibril a.s sebagai detik-detik awal penerimaan wahyu tersebut oleh baginda s.a.w. al-Bukhārī meriwayatkan;

⁷ Muslim bin al-Hajjāj (t.t.), *al-Musnad al-Sahīh al-Mukhtasar*, Muhammad Fu'ād 'Abd. al-Bāqī (ed), "Kitāb al-Salāh", no. hadith: 395, Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, j.1, h.296.

⁸ 'Alī, Sayyid Ismā'īl (2008), *al-Hiwar Manhaj wa Thaqāfah*. Kaherah: Dār al-Salām, h.14 & 58.

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أَنَّهَا قَالَتْ أَوَّلُ مَا بُدِئَ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْوَحْيِ الرَّؤْيَا الصَّالِحَةُ فِي النَّوْمِ فَكَانَ لَا يَرَى رُؤْيَا إِلَّا جَاءَتْهُ مِثْلَ فَلَقِ الصُّبْحِ ثُمَّ حَبِيبٌ إِلَيْهِ الْخَلَاءُ وَكَانَ يَخْلُو بِغَارِ حِرَاءٍ فَيَتَحَنَّنُ فِيهِ وَهُوَ التَّعَبُّدُ اللَّيَالِي ذَوَاتِ الْعَدَدِ قَبْلَ أَنْ يَنْزِعَ إِلَى أَهْلِهِ وَيَتَزَوَّدَ لِذَلِكَ ثُمَّ يَرْجِعُ إِلَى خَدِيجَةَ فَيَتَزَوَّدُ لِمِثْلِهَا حَتَّى جَاءَهُ الْحَقُّ وَهُوَ فِي غَارِ حِرَاءٍ فَجَاءَهُ الْمَلَكُ فَقَالَ اقْرَأْ قَالَ مَا أَنَا بِقَارِئٍ قَالَ فَأَخَذَنِي فَغَطَّنِي حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجَهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ اقْرَأْ قُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِئٍ فَأَخَذَنِي فَغَطَّنِي الثَّانِيَةَ حَتَّى بَلَغَ مِنِّي الْجَهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ اقْرَأْ فَقُلْتُ مَا أَنَا بِقَارِئٍ فَأَخَذَنِي فَغَطَّنِي الثَّلَاثَةَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ

Maksudnya:

Dari Aishah r.ah umm al-Mukminin, bahawa sesungguhnya ia berkata; Bermulanya Rasulullah s.a.w menerima wahyu adalah dengan mimpi yang benar dalam tidur. Baginda tidak melihat mimpi tersebut melainkan ia datang seperti pancaran cahaya waktu subuh. Kemudian baginda mula suka bersendirian di gua Hīrā' dan beribadat di dalamnya. Baginda beribadat dalam beberapa malam dan kemudiannya balik ke keluarganya dan berbekal untuk itu. Kemudian baginda kembali semula kepada Khadijah dan berbekal seperti biasa sehinggalah datangnya kepada baginda kebenaran ketika baginda berada di dalam gua Hīrā'. Maka datang kepadanya malaikat dan berkata kepadanya; "Bacalah!" Jawab baginda; "Aku bukan orang yang boleh membaca". Maka malaikat tersebut datang kepadaku dan memelukku sehingga aku terasa kekuatannya. Kemudian ia melepaskan aku dan berkata; "Bacalah!" Aku menjawab; "Aku bukan orang yang boleh membaca". Kemudian ia datang kepadaku dan memelukku untuk kali yang kedua sehingga aku merasa kekuatannya. Kemudian ia melepaskan aku, maka ia berkata; "Bacalah!" Aku menjawab; "Aku bukan orang yang membaca". Maka ia datang kepadaku dan memelukku untuk kali yang ketiga. Kemudian ia melepaskan diriku. Maka berkata malaikat tersebut; "Bacalah dengan nama Tuhan-mu yang telah mencipta. Dia telah mencipta manusia dari segumpal darah. Bacalah dengan nama Tuhan-mu yang Maha Mulia".⁹

al-Qur'an seterusnya menggambarkan bagaimana cara Allah s.w.t berdialog dan berbicara dengan para Nabi yang diutus. Proses ini berlaku menerusi wahyu dengan cara

⁹ Bukhārī, Muhammad bin Ismā'īl al- (1422H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Muhammad Fu'ad 'Abd. al-Bāqī (ed), Kitab Bad' al-Wahy', no. hadith; 3, Beirut: Dār Ṭūq al-Najāt, j.1 h.7.

diberi ilham atau mimpi, atau dari sebalik dinding iaitu dengan mendengar suara sahaja, atau dengan mengutus utusan malaikat lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan izin Allah. Firman Allah;

﴿وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ وَرَآئِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بِإِذْنِهِ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ ﴿٥١﴾﴾

Maksudnya:

Dan tidaklah layak bagi seseorang manusia bahawa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan jalan wahyu (dengan diberi ilham atau mimpi), atau dari sebalik dinding (dengan mendengar suara sahaja), atau dengan mengutus utusan (malaikat) lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan izin Allah akan apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi keadaanNya, lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Shūrā (42) : 51

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa berdialog dipraktikkan sebagai medium untuk berhubung sesama makhluk dan juga di antara makhluk dengan Allah s.w.t. Ini sekali gus membuktikan bahawa berdialog merupakan satu bentuk komunikasi yang paling asas. Maka wajarlah ia menjadi metode yang diperintahkan oleh Allah s.w.t dalam menyampaikan dakwah kepada manusia untuk dipraktikkan secara ber hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik. Firman Allah;¹⁰

﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ﴾

¹⁰ Lihat juga surah Āli ‘Imrān (3) : 64.

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhan-mu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

Surah al-Naḥl (16) : 125

ii. Latar Belakang Kajian

Suruhan berdialog dalam al-Qur'an sebenarnya bertepatan dengan sifat kejadian manusia itu sendiri yang memiliki anugerah *al-Bayān*. Firman Allah;

﴿عَلَّمَهُ الْبَيَانَ﴾

Maksudnya:

Dialah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima kenyataan

Surah al-Raḥmān (55) :4

Menurut jumhur ahli tafsir, *al-Bayān* bermaksud bertutur, faham dan memberikan penerangan.¹¹ Allah s.w.t mengajar kepada manusia *al-Bayān* dengan tujuan menjadikan mereka makhluk yang berupaya untuk bertutur, memahami dan memberikan penerangan tentang sesuatu. Anugerah ini kemudiannya menjadi asas kepada kehidupan yang penuh makna dan sarat dengan limpah kurniaan. Ini berlaku apabila manusia menggunakan kelebihan *al-Bayān* untuk sentiasa berpesan-pesan dengan kebenaran dan juga berpesan-pesan dengan kesabaran di samping lisan yang sentiasa basah dengan zikir kepada Allah dan alunan bacaan al-Qur'an.

¹¹ Andalusī, 'Abd al-Ḥaqq bin Ghālib al- (2001) *al-Muḥarrar al-Wajīz fi Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, 'Abd al-Salām 'Abd al-Shāfi (ed), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. j.5 h.223.

Dalam konteks lain, kelebihan yang diberikan ini juga tidak terlepas dari penyalahgunaannya. Ini berlaku apabila manusia lupa matlamat asal anugerah tersebut sehingga mereka menjadi gemar untuk berbantah-bantah dengan kebatilan untuk menolak kebenaran,¹² walaupun setiap sesuatu itu telah dihuraikan dalam al-Qur'an dengan pelbagai cara agar mereka memahaminya.¹³ Firman Allah;

﴿وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا﴾ (٥٤)

Maksudnya:

Dan demi sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara dalam al-Quran ini untuk umat manusia, dari segala jenis contoh bandingan; Dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya.

Surah al-Kahf (18) : 54

Fenomena gemar berdialog dan berdebat boleh dilihat dalam beberapa aspek. Aspek pertama aspek tauhid. Ini dapat dilihat menerusi dialog perdebatan antara Nabi Nuh a.s dan kaumnya. Firman Allah;

﴿قَالُوا يَتَّبِعُكَ قَدْ جَدَلْتَنَا فَأَكْثَرْتَ جِدَالَنَا فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَا إِنْ كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ﴾ (٣٢)

Maksudnya:

Mereka berkata: "Wahai Nuh! sesungguhnya engkau telah bertikam lidah membantah kami lalu engkau banyakkkan sangat hujah-hujah semasa mengemukakan bantahan-mu kepada kami; Oleh itu, datangkanlah azab Allah yang engkau janjikan kepada kami, jika betul engkau dari orang-orang yang benar".

Surah Hūd (11) : 32

¹² Shanqīṭī, Muhammad al-Amin bin Muhammad al- (1996), *Aḥwā' al-Bayān fī Idāh al-Qur'ān bi al-Qur'ān*. Muhammad 'Abd al-'Azīz al-Khālīdī (ed), Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.4 h.103.

¹³ Lihat juga surah al-Isrā' (17) : 41 dan 89, surah Tāhā (20) : 113, surah al-Zumar (39) : 27-28 dan surah al-Rūm (30) : 58.

Aspek kedua aspek ibadat. Sebagai contoh kepada aspek ini kecenderungan untuk berdebat berkaitan ibadat haji. Situasi ini menyebabkan Allah s.w.t melarang berlakunya perdebatan ketika menunaikan ibadat tersebut. Firman Allah;

﴿ الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ ﴾

Maksudnya:

(Masa mengerjakan ibadat) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat haji.

Surah al-Baqarah (2) : 197

Aspek ketiga kecenderungan manusia untuk mempertahankan kebatilan.

Kecenderungan untuk berhujah seperti ini dilarang oleh Allah s.w.t. Firman Allah;

﴿ هَآأَنْتُمْ هَآؤِلَآءِ جَدَلْتُمْ عَنْهُمْ فِي الْحَيَوةِ الدُّنْيَا فَمَنْ يُجَادِلْ اللَّهَ عَنْهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَمْ مَنْ يَكُونُ عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴾

Maksudnya:

Sedarlah! kamu ini orang-orang (yang telah menyimpang dari kebenaran), kamu telah berhujah membela mereka (yang bersalah) dalam kehidupan dunia ini, maka siapakah yang akan berhujah kepada Allah untuk membela mereka itu pada hari kiamat kelak? Atau siapakah yang akan menjadi pelindung mereka (dari azab seksa yang disediakan oleh Allah)?

Surah al-Nisā' (4) : 109

Aspek keempat pula sikap manusia yang suka membantah dengan tidak berdasarkan kepada sebarang ilmu pengetahuan atau sebarang petunjuk bahkan dan tidak berdasarkan mana-mana sumber yang menerangkan kebenaran. Firman Allah;

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَتَتَّبِعُ كُلَّ شَيْطَانٍ مَّרِيدٍ﴾

Maksudnya:

Dan ada di antara manusia yang membantah perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan ia menurut tiap-tiap syaitan yang telah sebatikan dengan kejahatan.

Surah al-Haj (22) : 3

Ini juga dapat dilihat menerusi firman Allah;

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُنِيرٍ﴾

Maksudnya:

Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; Dan tidak juga berdasarkan mana-mana kitab Allah yang menerangi kebenaran.

Surah Luqmān (31) : 20

Bahkan sifat suka berdebat dan berdialog ini akan kekal berterusan sehingga tiba masanya mereka berhujah pada diri sendiri pada hari akhirat di hadapan Allah s.w.t. Hari di mana disempurnakan balasan atas setiap sesuatu yang telah dilakukan. Firman Allah:

﴿يَوْمَ تَأْتِي كُلُّ نَفْسٍ يُجَادِلُ عَنْ نَفْسِهَا وَتُوْفَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا عَمِلَتْ﴾

﴿وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ﴾

Maksudnya:

Pada hari tiap-tiap diri datang membela dirinya semata-mata, dan tiap-tiap diri disempurnakan balasan apa yang ia telah